

Metafora Konsep MANUSIA IALAH HAIWAN dalam Peribahasa Melayu dan Perancis Berkaitan Metafora Haiwan Kesayangan

Conceptual Metaphor of PEOPLE ARE ANIMALS in Malay and French Proverbs Related to Pets Metaphor

DINIE ASYRAF SALEHAN, OMRAH HASSAN @ HUSSIN & ZAITUL AZMA ZAINON HAMZAH

ABSTRAK

Peribahasa sebagai medium penyampaian mesej secara tersirat telah menjadi fokus kajian ramai penyelidik. Metafora, khususnya metafora konsep menjadi salah satu lapangan kajian peribahasa yang menjadi tumpuan. Unsur-unsur alam yang berada di sekeliling manusia seperti yang terdapat dalam Rantainya Utama Kejadian diadaptasi oleh manusia untuk digunakan sebagai perlambangan kepada konsep, atau dalam kata lainnya sebagai metafora konsep dalam peribahasa. Salah satu daripada jenis-jenis metafora yang digunakan dalam bahasa-bahasa dunia termasuk bahasa Melayu dan Perancis untuk menzahirkan metafora konsep MANUSIA IALAH HAIWAN, ialah metafora haiwan kesayangan, iaitu metafora kucing dan anjing. Penggunaan metafora kucing dan anjing dalam dua bahasa menimbulkan persoalan sekiranya terdapat persamaan dari sudut metafora konsep dalam peribahasa ataupun hanya perbezaan semata-mata oleh sebab perbezaan bahasa itu sendiri. Dapatan kajian menunjukkan 4 metafora konsep yang sama dianalisis dalam peribahasa Melayu dan Perancis di samping perbezaan metafora konsep yang pelbagai. Persamaan-persamaan dengan jumlah yang kecil berbanding perbezaan metafora konsep ini membuktikan kesejagatan metafora bukanlah dalam bentuk yang menyeluruh. Di samping itu, metafora konsep ini juga menambahkan lagi skema metaforikal haiwan sedia ada.

Kata Kunci: Metafora konsep; MANUSIA IALAH HAIWAN; haiwan kesayangan; peribahasa Melayu; peribahasa Perancis

ABSTRACT

Proverbs as a medium to deliver messages in an implicit manner has become the focus of many researchers. Metaphor, particularly conceptual metaphor is one of the research domains in the study of proverbs. Elements of nature which surround humans as stated in The Great Chain of Being were adopted by people to be utilized as symbols to concepts; or in another term, as conceptual metaphors in proverbs. Pets, namely feline and canine metaphors, is a type of metaphor used in proverbs in world languages; including Malay and French to represent humans, thus contributing to conceptual metaphor People Are Animals. Behind the existence of cat and dog metaphors, a question arises whether there are similarities of conceptual metaphor, or only variances are available due to the difference in the language itself. The results show that there are four similarities in Malay and French proverbs but with a higher number of differences in conceptual metaphors. This small amount of similarities compared to the differences demonstrates the noncomprehensive form of metaphor's universality. The study concludes that the conceptual metaphors analysed will add to the present animal metaphorical schemes.

Keywords: Conceptual metaphors; PEOPLE ARE ANIMALS; pets; Malay proverbs; French proverbs

PENGENALAN

Peribahasa sebagai medium penyampaian mesej secara tersirat telah menjadi subjek kajian yang menarik perhatian ramai penyelidik. Kajian-kajian yang telah dijalankan dengan menjadikan peribahasa sebagai fokus adalah daripada sudut yang pelbagai. Salah satu daripada cabang kajian tersebut ialah mengenai metafora dalam peribahasa. Metafora ialah penggunaan kata atau frasa untuk

menyampaikan sesuatu, tetapi kata atau frasa ini membawa maksud literal yang lain daripada kata atau frasa yang membawa maksud yang sepatutnya (Lakoff & Johnson 1980). Maka, metafora dijadikan unsur bagi membina peribahasa bersesuaian dengan fungsi peribahasa untuk menyampaikan sesuatu secara berlapis, tidak terlalu berterus-terang sehingga boleh menyebabkan hati pendengar atau penerima mesej tersebut terguris (Noor Aina Dani 2005).

Penggunaan metafora dalam aktiviti berbahasa ialah fenomena yang berlaku dalam semua bahasa dunia (Gentner et al. 2001), tidak terhad kepada bahasa tertentu sahaja. Maka dengan itu, peribahasa tanpa mengira bahasa, termasuklah peribahasa dalam bahasa Melayu dan bahasa Perancis juga menggunakan metafora sepertimana kesejagatan aplikasi metafora dalam ungkapan manusia dalam kehidupan seharian.

Peribahasa Melayu dan Perancis serta peribahasa dunia yang lain telah mengadaptasi unsur dalam kehidupan seharian untuk dijadikan metafora dalam peribahasa. Unsur-unsur seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan dan objek lain dijadikan metafora (Kövecses 2010), iaitu selepas manusia melakukan pemerhatian dan berjaya membina pertalian antara mesej yang ingin disampaikan dengan aspek berkaitan unsur yang ingin dijadikan metafora tersebut. Antara jenis metafora ini, metafora haiwan merupakan metafora yang paling banyak digunakan oleh manusia (Chen & Chen 2011). Hal ini kerana setiap hari haiwan berada di sekitar manusia, terutama sekali haiwan yang dijadikan haiwan kesayangan.

Oleh sebab metafora dalam peribahasa wujud dalam semua bahasa seperti yang telah diterangkan sebelumnya, terdapat peribahasa Melayu dan Perancis yang menggunakan metafora yang sama, seperti contoh peribahasa yang mengandungi salah satu jenis haiwan kesayangan, iaitu metafora kucing:

Peribahasa Melayu: Ikan tergantung, kucing tunggu
Peribahasa Perancis: *Chat échaudé craint l'eau froide* (kucing yang telah melecur takutkan air yang sejuk)

Maksud bagi peribahasa Melayu di atas ialah 'mengharapkan sesuatu yang sangat diinginkan', manakala 'apabila kita telah menjadi mangsa kepada satu kejadian, kita menjadi lebih berhati-hati, malah lebih melawan apabila berhadapan dengan bahaya yang sama' merupakan makna tersirat bagi contoh peribahasa Perancis. Apabila makna kedua-dua peribahasa ini diperhatikan, kedua-dua peribahasa ini tidak membawa maksud yang sama walaupun terdapat perkongsian metafora. Jadi, timbul persoalan jika peribahasa Melayu dan Perancis benar-benar keseluruhannya berbeza atau terdapat persamaan tertentu di antara peribahasa yang menggunakan metafora haiwan yang sama dalam dua bahasa ini. Darihal itu, dengan menjadikan metafora haiwan kesayangan iaitu metafora kucing

dan anjing serta metafora konsep MANUSIA IALAH HAIWAN sebagai batasan, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis persamaan dan perbezaan dalam peribahasa Melayu dan Perancis.

METAFORA KONSEP 'MANUSIA IALAH HAIWAN'

Metafora adalah salah satu cara untuk manusia memberikan bentuk lain kepada konsep yang diperhatikan dalam kehidupan. Lakoff dan Johnson (1980) menyatakan bahawa metafora sebenarnya digunakan secara meluas dalam penggunaan bahasa seharian oleh manusia. Lakoff dan Johnson (1980) turut menjelaskan bahawa manusia berpendapat bahawa mereka mempunyai penguasaan ke atas unsur-unsur alam seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan dan unsur lain. Penguasaan ini membolehkan manusia menjadikan haiwan sebagai bentuk baharu atau dalam erti kata lain, metafora kepada konsep yang hendak disampaikan. Apabila konsep ini berkaitan dengan manusia, maka lahirlah metafora konsep 'metafora konsep MANUSIA IALAH HAIWAN'.

Liao (dalam Jiang & Wen 2014) memerihalkan tiga sebab yang menyumbang kepada pemilihan haiwan sebagai metafora. Pertamanya, manusia dan haiwan mempunyai persamaan tertentu daripada segi fizikal, perbuatan dan perwatakan. Kedua, tradisi kebudayaan dan psikologi seperti kesusasteraan dan seni manusia juga berkait rapat dengan haiwan. Faktor ketiga pula ialah manusia mempunyai keupayaan imaginasi berasaskan pemerhatian yang cenderung kepada haiwan. Jelas disini bahawa terdapat hubungan yang rapat antara manusia dengan haiwan sehinggakan persamaan manusia dan haiwan mempengaruhi cara hidup dan cara berfikir manusia.


Untuk menjelaskan lagi perihal logik kewujudan metafora MANUSIA IALAH HAIWAN, Lakoff iaitu pelopor kajian mengenai metafora konsep dan seorang lagi penyelidik iaitu Turner telah mengemukakan Rantai Utama Kejadian (RUK) (Lakoff & Turner 1989). Menurut kajian Lakoff dan Turner (1989) tersebut, rantai ini menghubungkan manusia dengan unsur-unsur alam yang lain. RUK terbahagi kepada dua, iaitu asas dan lanjutan. RUK peringkat asas ialah rantai yang menghubungkan manusia dengan unsur-unsur yang berada 'di bawah' manusia, iaitu unsur-unsur yang mempunyai kekurangan tertentu jika dibandingkan dengan manusia. RUK peringkat lanjutan pula

menghubungkan manusia dengan unsur-unsur ‘di atas’ atau unsur-unsur yang mempunyai kelebihan berbanding manusia. Haiwan merupakan unsur yang termasuk dalam RUK peringkat asas kerana jika dibandingkan antara manusia dan haiwan, manusia mempunyai beberapa kelebihan seperti nilai estetika, moral, komunikasi, pertimbangan abstrak dan lain-lain perkara. Maka hal-hal ini meletakkan haiwan berada ‘di bawah’ manusia.

Lakoff dan Turner (1989) menambah, RUK merupakan pembentuk bagi struktur hubungan manusia dan haiwan yang digunakan dalam Metafora Rantaian Utama (MRU). MRU turut bertindak sebagai asas pemilihan metafora yang digunakan untuk menerangkan idea dan konsep yang dibawa. Selain daripada itu, metafora konsep MANUSIA IALAH HAIWAN turut membentuk beberapa skema metaforikal. Sebagai contoh, anjing dipetakan kepada skema metaforikal berkaitan kesetiaan manakala kucing mempunyai skema metaforikal berkenaan sifat berdikari (Lakoff & Turner 1989). Ringkasnya, haiwan dipilih sebagai metafora disebabkan oleh faktor-faktor tertentu terutamanya keberadaan haiwan dalam persekitaran, dan penguasaan dan darjat manusia menjadikan haiwan sebagai pembawa kepada konsep MANUSIA IALAH HAIWAN dalam komunikasi manusia, termasuklah penggunaan peribahasa.

METODOLOGI

Kajian perbandingan peribahasa ini menggunakan Teori Metafora Konsep (TMK) yang diketengahkan oleh Lakoff dan Johnson (1980) sebagai kerangka utama kajian. TMK ialah teori khusus bagi menganalisis konsep atau makna yang dibawa oleh metafora. Teori ini mengetengahkan pemetaan domain yang terlibat dalam penggunaan metafora, iaitu domain sumber dan juga domain sasaran. Domain sumber merujuk kepada metafora yang digunakan manakala domain sasaran pula ialah makna atau konsep yang sebenarnya dimaksudkan. Apabila teori ini digunakan dalam analisis peribahasa, metafora-metafora yang digunakan dapat dianalisis sama ada mengandungi konsep/makna atau sebaliknya. Rasional bagi teori ini digunakan dalam kajian ini adalah untuk memaparkan dengan jelas konsep yang dibawakan oleh metafora-metafora di dalam peribahasa. Contoh pemetaan domain adalah seperti berikut:



RAJAH 1. Peribahasa Melayu ‘tuah anjing celaka kuda’ (Maksud: Sesuatu yang menjadi kebahagiaan kepada seseorang mungkin menjadi kecelakaan kepada orang lain)

Menerusi pemetaan metafora untuk peribahasa di atas, metafora anjing iaitu metafora haiwan kesayangan yang digunakan dalam peribahasa ini dipetakan kepada domain sasaran berkenaan manusia, tanpa merujuk sebarang perwatakan manusia secara mendalam. Peribahasa berfungsi sebagai tunjuk ajar, tegahan dan pernyataan (Hashim Musa et al. 2012). Justeru dalam menjalankan fungsi ini, peribahasa menjadikan manusia sebagai contoh dan disesuaikan dengan fungsi peribahasa. Tetapi watak manusia dalam peribahasa diambil-alih oleh haiwan sebagai perlambangan atau metafora. Skema metaforikal bagi contoh peribahasa yang ditunjukkan membenarkan kewujudan metafora konsep MANUSIA IALAH HAIWAN.

Kajian ini dijalankan ke atas data peribahasa yang diambil daripada sumber peribahasa bercetak dan dalam talian. Bagi peribahasa Melayu, koleksi peribahasa yang digunakan ialah ‘Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai’ terbitan Penerbit Universiti Putra Malaysia (2011). Sementara itu, data peribahasa Perancis pula dikutip daripada sumber koleksi bercetak, *Les Expressions Idiomatiques* terbitan CLE International (2008) dan peribahasa Perancis daripada sumber dalam talian pula diambil daripada *Dictionnaire des Proverbes Français* (1823) dan *Dictionnaire des Proverbes : Anglais-Français et Français-Anglais* (1998) iaitu buku elektronik yang didapati di laman sesawang *Google Books*, dan juga daripada laman sesawang *Linternaute*, iaitu www.linternaute.com/proverbe.

Data peribahasa Melayu dan Perancis yang mengandungi metafora haiwan kesayangan iaitu anjing dan kucing serta makna peribahasa dianalisis menggunakan TMK supaya domain sasaran berkenaan metafora konsep MANUSIA IALAH HAIWAN dapat dikenal pasti. Hanya domain sasaran berkaitan metafora konsep MANUSIA IALAH HAIWAN yang membawakan konsep manusia secara khusus,

bukan secara umum (iaitu metafora anjing dan kucing membawa maksud tersirat iaitu manusia) yang dipersembahkan dalam dapatan.


DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis peribahasa Melayu dan Perancis yang mengandungi metafora haiwan kesayangan menunjukkan bahawa terdapat peribahasa-peribahasa yang membawakan metafora konsep MANUSIA IALAH HAIWAN. Analisis menggunakan TMK akan menunjukkan domain-domain sasaran daripada analisis makna peribahasa berkenaan metafora konsep tersebut.


Metafora Kucing

Kucing merupakan sejenis haiwan kesayangan yang seringkali digunakan untuk memberi gambaran kepada manusia berkaitan perwatakan dan kelakuan seseorang (Nurul Nadia Muhammad & Sabariah Md Rashid 2014). Dalam peribahasa Melayu dan Perancis yang dikaji, kucing dianalisis untuk membawakan konsep tertentu. Melalui analisis peribahasa-peribahasa ini juga, beberapa persamaan dan juga perbezaan konsep dalam peribahasa dua bahasa ditunjukkan.

Peribahasa Melayu dan Perancis membawakan 3 konsep yang sama apabila merujuk kepada penggunaan metafora kucing. Metafora konsep pertama ialah LELAKI IALAH KUCING. Peribahasa Melayu yang membawakan konsep ini ialah peribahasa ‘bagai kucing dengan panggang’, manakala bagi peribahasa Perancis pula, peribahasa ‘*laisser aller le chat au fromage* (Terjemahan: Membiarkan kucing pergi ke keju)’ mengandungi metafora konsep yang sama. Pemetaan peribahasa Melayu dan Perancis yang menunjukkan metafora konsep seperti yang dinyatakan ditunjukkan dalam Rajah 2 dan 3.




RAJAH 2. Pemetaan domain dalam peribahasa ‘bagai kucing dengan panggang’




RAJAH 3. Pemetaan domain dalam peribahasa ‘*laisser aller le chat au fromage*’

Makna bagi peribahasa Melayu yang ditunjukkan di atas ialah ‘lelaki dan perempuan yang tidak boleh dipercayai apabila bergaul, mudah menimbulkan sesuatu yang tidak baik sekiranya dekat’ manakala peribahasa Perancis membawa makna ‘perempuan yang menyerahkan dirinya kepada lelaki yang sedang berkeinginan sebelum berkahwin.’ Berdasarkan makna peribahasa, lelaki dan perempuan merupakan unsur yang dominan selain nasihat yang disampaikan. Lumrah manusia, lelaki diperhatikan untuk mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada perempuan (Asri Selamat 2009). Jadi melalui pemetaan metafora, domain kucing/*chat* adalah bersesuaian untuk representasi gambaran lelaki kerana metafora panggang bagi peribahasa Melayu dan *fromage* bagi peribahasa Perancis adalah unsur yang dikuasai oleh kucing/*chat*. Maka, lelaki yang diwakili oleh metafora kucing dalam peribahasa membuktikan kewujudan metafora konsep LELAKI IALAH KUCING dalam kedua-dua peribahasa Melayu dan Perancis.

Metafora konsep kedua yang dikongsi oleh peribahasa Melayu dan Perancis ialah metafora konsep PIHAK BERMUSUH IALAH KUCING. Bagi peribahasa Melayu, metafora konsep ini terkandung dalam peribahasa ‘seperti anjing dengan kucing’ yang membawa maksud ‘dua orang yang selalu berkelahi/ bergaduh.’ Masyarakat Perancis pula menggunakan peribahasa ‘*à bon chat bon rat* (Terjemahan : Untuk kucing yang bagus, tikus yang bagus)’ dengan makna ‘musuh yang mempunyai kekuatan yang sama.’ Domain sumber dipadankan dengan domain sasaran iaitu perkara-perkara dalam makna peribahasa menerusi pemetaan metafora seperti Rajah 4 dan 5.



RAJAH 4. Pemetaan domain dalam peribahasa 'seperti anjing dengan kucing'




RAJAH 5. Pemetaan domain dalam peribahasa 'à bon chat bon rat'


Analisis peribahasa yang dilakukan mendapati bahawa bagi kedua-dua peribahasa Melayu dan Perancis yang membawakan keadaan permusuhan ini, dua jenis metafora haiwan digunakan bagi setiap peribahasa. Anjing dan tikus merupakan musuh semula jadi bagi kucing, seperti yang diceritakan dalam banyak kisah-kisah teladan seluruh dunia (Ashliman 2013). Jadi, dengan bantuan metafora anjing dalam peribahasa Melayu dan *rat* atau tikus dalam peribahasa Perancis, metafora-metafora haiwan yang digunakan dalam contoh-contoh peribahasa ini menunjukkan gambaran bagi wujudnya golongan-golongan yang bermusuhan antara satu sama lain. Maka, interaksi yang melibatkan metafora kucing ini membawakan metafora konsep PIHAK BERMUSUH IALAH KUCING.

Persamaan metafora konsep antara dua bahasa yang seterusnya melalui metafora kucing ialah metafora konsep PIHAK YANG BERKUASA IALAH KUCING. Metafora konsep ini ditunjukkan dalam peribahasa Melayu dan Perancis melalui peribahasa 'bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi' dan juga '*quand le chat n'est pas là, les souris dansent* (Terjemahan : Apabila kucing tiada, tikus-tikus menari).' Konsep kucing sebagai domain sumber bagi konsep pihak berkuasa ini ditunjukkan melalui maksud contoh-contoh peribahasa iaitu 'ketua atau pemerintah yang telah hilang kuasanya

tidak akan ditakuti oleh orang bawahannya' dan juga 'kita akan mendapat kebebasan apabila tiada lagi pengawasan, dan hal itu membawa keuntungan' iaitu makna tersirat bagi peribahasa Perancis.



RAJAH 6. Pemetaan domain dalam peribahasa 'bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi'



RAJAH 7. Pemetaan domain dalam peribahasa '*quand le chat n'est pas là, les souris dansent*'

Kedua-dua peribahasa di dalam rajah 6 dan 7 menggunakan metafora tikus supaya imej pihak berkuasa dapat diberikan kepada metafora kucing. Dalam peribahasa yang menunjukkan metafora konsep PIHAK BERMUSUH IALAH KUCING yang telah dianalisis sebelum ini, metafora tikus/*souris* menjadi domain sumber kepada domain sasaran 'musuh.' Namun dalam kedua-dua peribahasa Melayu dan Perancis ini, tikus diletakkan sebagai haiwan yang mempunyai kedudukan yang rendah berbanding kucing seperti dalam MRU, sekaligus menjadikannya metafora bagi 'orang bawahan' dan juga 'orang yang diawasi. Jadi, domain sasaran 'pihak berkuasa' dalam peribahasa menjadikan haiwan yang lebih tinggi kedudukannya daripada tikus, iaitu kucing sebagai metafora. Hal ini menunjukkan kewujudan persamaan metafora konsep PIHAK YANG BERKUASA IALAH KUCING.

Selain daripada 3 persamaan metafora konsep yang ditunjukkan oleh analisis data dengan pemetaan metafora menurut TMK, metafora kucing yang digunakan dalam peribahasa Melayu dan

Perancis turut mewakili konsep berbeza antara dua bahasa ini. Dalam peribahasa Melayu, metafora kucing ialah sumber bagi metafora konsep berikut:

JADUAL 1. Metafora konsep daripada metafora kucing dalam peribahasa Melayu sahaja

Metafora Konsep	Contoh Peribahasa Melayu (Makna)
ORANG BESAR IALAH KUCING	Kalau kucing tiada bermisai, takkan ditakuti tikus lagi (Orang besar yang sudah dipecat tidak dihormati orang lagi)
ORANG JAHAT IALAH KUCING	Seperti kucing menyembunyikan kuku, terlihat panggang berubahlah laku (Orang jahat yang berpura-pura baik sementara belum bertemu dengan barang yang disukainya)
ORANG MISKIN IALAH KUCING	Anak kucing menjadi harimau (Orang yang miskin menjadi kaya)
ORANG YANG BERHARAP IALAH KUCING	Ikan tergantung, kucing tunggu (Mengharapkan sesuatu yang sangat diinginkan)
ORANG YANG SENANG HIDUPNYA IALAH KUCING	Bagai kucing tidur di bantal (Hidup senang dan mewah)
PENAKUT IALAH KUCING	Bagai kucing dibawakan lidi (Sangat ketakutan)
PENDIAM IALAH KUCING	Duduk seperti kucing, melompat seperti harimau (Orang yang pendiam tetapi tangkas bekerja dan berfikir)
PEREMPUAN IALAH KUCING	Terjerit-jerit seperti kucing biang (Perempuan yang bercakap-cakap terlalu keras)
RAKYAT IALAH KUCING	Anak kucing menjadi harimau (Rakyat biasa menjawat jawatan tinggi dalam pemerintahan)

Sementara itu, bagi peribahasa Perancis, jadual berikut ini memaparkan konsep-konsep yang hanya dibawakan oleh metafora kucing dalam peribahasa Perancis sahaja:

JADUAL 2. Metafora konsep daripada metafora kucing dalam peribahasa Perancis sahaja

Metafora Konsep	Contoh Peribahasa Perancis (Makna)
MANGSA IALAH KUCING	<i>Chat échaudé craint l'eau froide</i> (Apabila kita telah menjadi mangsa kepada satu kejadian, kita menjadi lebih berhati-hati, malah lebih melawan apabila berhadapan dengan bahaya yang sama)
ORANG YANG BERANI IALAH KUCING	<i>Ce n'est pas un chat à prendre sans gant</i> (Seseorang yang tahu mempertahankan dirinya)
ORANG YANG HANYA TAHU BERKATA-KATA IALAH KUCING	<i>Chat miauleur ne fut jamais bon chasseur</i> (Orang yang bijaksana tidak banyak cakupannya)
ORANG YANG MELAKUKAN PEKERJAAN IALAH KUCING	<i>Si les chats gardent les chèvres, qui attrapera les souris?</i> (Setiap orang mesti berada di tempat masing-masing dan melakukan kerja yang sepatutnya. Jika tidak, semua akan menjadi sia-sia)
ORANG YANG MEMBERI HARAPAN IALAH KUCING	<i>Jouer au chat et à la souris</i> (Memberi harapan kepada seseorang yang telah dikalahkan sebelumnya)
PIHAK BERTELAGAH IALAH KUCING	<i>Être comme chien et chat</i> (Bertelagah tanpa henti)


Berdasarkan data-data metafora konsep sama ada metafora konsep yang dikongsi oleh peribahasa Melayu dan Perancis atau sebaliknya di dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa peribahasa Melayu lebih banyak membawakan metafora konsep MANUSIA IALAH HAIWAN berbanding peribahasa Perancis berdasarkan jumlah metafora konsep yang dianalisis. Hal ini sesuai dengan keadaan masyarakat

Melayu yang lebih menggemari kucing untuk dijadikan haiwan kesayangan, sehingga kucing dan manusia membina keakraban yang begitu utuh (Wan Norasikin Wan Ismail t.t). Keadaan ini menjadikan masyarakat Melayu yang begitu terdedah dengan kucing untuk mengadaptasi haiwan tersebut dalam penyampaian mesej menggunakan peribahasa.


Metafora Anjing

Selain daripada kucing, anjing juga merupakan haiwan yang selalu dijadikan haiwan kesayangan oleh manusia sehingga wujudnya pandangan yang menyatakan bahawa anjing ialah *'man's best friend'* atau 'teman baik manusia' (Kieltyka & Kleparski 2005). Oleh hal yang demikian, anjing turut menjadi sumber terdekat bagi manusia untuk dijadikan metafora bagi konsep-konsep tertentu, lebih-lebih lagi dalam penggunaan peribahasa yang kaya dengan penyampaian mesej secara tersirat.

Analisis perbandingan antara peribahasa Melayu dan Perancis menunjukkan bahawa metafora anjing sama-sama digunakan dalam peribahasa kedua-dua bahasa sebagai pembawa kepada metafora konsep, ORANG YANG LEMAH IALAH ANJING dan ORANG JAHAT IALAH ANJING.



RAJAH 8. Pemetaan domain dalam peribahasa 'biar mati ditangkap harimau, jangan mati digigit anjing'




RAJAH 9. Pemetaan domain dalam peribahasa 'battre le chien devant le lion'


Persamaan metafora konsep pertama bagi metafora anjing dalam peribahasa, iaitu ORANG YANG LEMAH IALAH ANJING ditunjukkan melalui peribahasa 'biar mati ditangkap harimau, jangan mati digigit anjing' dan 'battre le chien devant le lion (Terjemahan: Pukul anjing di hadapan singa).' Pemetaan domain dalam peribahasa menurut TMK menunjukkan gambaran yang dibawakan oleh metafora anjing kepada konsep 'orang yang lemah.'

Peribahasa Melayu 'biar mati ditangkap harimau, jangan mati digigit anjing' membawakan makna 'kalah di tangan orang yang kuat lebih baik daripada kalah di tangan orang yang lemah', sementara peribahasa '*battre le chien devant le lion*' pula bermaksud 'menghukum orang yang lemah di hadapan orang besar-besar yang melakukan kesalahan yang sama.' Dalam memerihalkan konsep 'orang yang lemah', metafora anjing di dalam kedua-dua peribahasa ini digunakan bersama-sama satu lagi metafora haiwan, iaitu metafora harimau bagi peribahasa Melayu dan metafora *lion* (singa) bagi peribahasa Perancis. Penggunaan metafora harimau dan singa ini ialah sebagai gambaran kepada orang yang lebih berkuasa seperti yang terkandung dalam makna tersirat peribahasa. Hal ini bertepatan dengan kedudukan harimau dan singa yang lebih tinggi berbanding anjing dalam MRU (Lakoff & Turner 1989) apabila kekuatan satu-satu haiwan ini menjadi penentu kedudukan. Maka, kedua-dua peribahasa Melayu dan Perancis ini menjadikan metafora anjing sebagai domain sumber bagi menyampaikan metafora konsep ORANG YANG LEMAH IALAH ANJING.

Metafora konsep seterusnya yang dikongsi antara peribahasa Melayu dan Perancis ialah metafora konsep ORANG JAHAT IALAH ANJING. Konsep yang berkaitan dengan kejahatan manusia ini disampaikan dalam peribahasa Melayu 'anjing diberi makan nasi takkan kenyang.' Peribahasa Perancis '*chien qui aboie ne mord pas*' juga membawakan metafora konsep yang sama. Pemetaan domain kedua-dua peribahasa ditunjukkan dalam rajah 10 dan 11.



RAJAH 10. Pemetaan domain dalam peribahasa 'anjing diberi makan nasi takkan kenyang'



RAJAH 11. Pemetaan domain dalam peribahasa '*chien qui aboie ne mord pas*'

Konsep orang jahat dalam peribahasa diserlahkan oleh makna bagi peribahasa-peribahasa tersebut iaitu 'sia-sia menasihati orang yang jahat' bagi peribahasa Melayu dan 'orang yang selalu memberi ancaman tidaklah membawa bahaya' bagi peribahasa Perancis. Pemetaan konsep 'orang jahat' kepada anjing ini terjadi dalam peribahasa Melayu dan Perancis kerana terdapatnya pengaruh agama.

Orang Melayu yang rata-rata beragama Islam memerhatikan anjing sebagai benda yang kotor kerana kenajisan anjing mengikut hukum syarak (Muammar Ghaddafi Hanafiah & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff 2015). Masyarakat Perancis pula yang majoritinya beragama Kristian, turut mengaitkan anjing dengan perkara-perkara jahat seperti yang terkandung dalam kitab suci Kristian (Berkovic 2014). Justeru, atas sebab pengaruh agama dalam kedua-dua masyarakat, anjing diasosiasikan dengan imej manusia yang buruk dan salah satu daripada imej tersebut adalah seperti metafora konsep ORANG JAHAT IALAH ANJING.

Dapatan kajian seterusnya ialah perbezaan konsep yang dibawa oleh metafora anjing dalam peribahasa Melayu dan Perancis. Jadual menunjukkan konsep yang hanya terdapat dalam peribahasa Melayu.

JADUAL 3. Metafora konsep daripada metafora anjing dalam peribahasa Melayu sahaja

Metafora Konsep	Contoh Peribahasa Melayu (Makna)
HAMBA MISKIN IALAH ANJING	Terlepas daripada babi gemuk terpeluk anjing kurap (Perempuan yang malang, bercerai dengan suami hartawan yang hina dan kahwin dengan hamba miskin)
LELAKI JAHAT IALAH ANJING	Seperti anjing mengulangi bangkai (Lelaki jahat yang membawa perempuan jahat)
ORANG GELOJOH IALAH ANJING	Seperti anjing makan masak mentah (Orang yang gelojoh tiada memilih baik ataupun jahat)
ORANG TAMAK IALAH ANJING	Umpama anjing makan muntahnya (Orang yang tamak tidak membezakan yang baik dan buruk)
ORANG YANG BERANI IALAH ANJING	Membebek kambing lari ke hutan, menyalak anjing lari ke kota (Sewaktu huru hara atau peperangan, orang yang penakut berteriak lari, tetapi orang yang berani betempik maju)
ORANG YANG BODOH IALAH ANJING	Manusia tertarik oleh tanah airnya, anjing tertarik oleh piringnya (Orang berakal jauh pandangannya, orang yang bodoh itu hanya memandang kepentingan dan keperluan dirinya sahaja)
ORANG YANG GEMBIRA IALAH ANJING	Seperti anjing berjumpa pasir (Gembira kerana bertemu dengan barang yang digemarinya)
ORANG YANG HINA IALAH ANJING	Anjing menyalak di pantat gajah (Orang yang lemah atau hina yang hendak melawan orang yang berkuasa tentulah sia-sia sahaja)
ORANG YANG MENCELA IALAH ANJING	Anjing menyalak bukit, bukit tak akan runtuh (Orang baik walaupun dicela, tidak akan binasa kebanyakannya)
ORANG YANG TIADA KUASA IALAH ANJING	Anjing menyalak bukit, bukit tak akan runtuh (Orang kecil yang melawan orang berkuasa)
ORANG YANG TIDAK BERBUDI IALAH ANJING	Anjing ditepuk menjongket ekor (Orang yang tidak berbudi pekerti, jika dihormati akan menjadi sombong)
ORANG YANG TIDAK MENDENGAR NASIHAT IALAH ANJING	Intan dikalungkan di leher anjing (Memberikan sesuatu/nasihat kepada seseorang yang tidak mahu dan tidak kena pada tempatnya)
ORANG YANG TIDAK TAHU MEMBALAS BUDI IALAH ANJING	Melepaskan anjing tersepit, sudah lepas dia menggigit (Menolong orang yang tidak tahu membalas budi)
PENAKUT IALAH ANJING	Anjing menyalak tak akan menggigit (Hanya menggugat dengan suara yang kuat, tetapi tidak berani berbuat apa-apa)
PIHAK BERMUSUH IALAH ANJING	Seperti anjing dengan kucing (Dua orang yang selalu berkelahi/ bergaduh)
PIHAK LAWAN IALAH ANJING	Anjing galak, babi berani (Bertemu lawan yang sepadan, berani sama berani, kuat sama kuat)

Peribahasa Perancis juga mempunyai konsep-konsep yang tersendiri dan berbeza daripada peribahasa Melayu dalam penggunaan metafora anjing sebagai representasi metafora konsep MANUSIA IALAH HAIWAN.

JADUAL 4. Metafora konsep daripada metafora anjing dalam peribahasa Perancis sahaja

Metafora Konsep	Contoh Peribahasa Perancis (Makna)
IBU BAPA IALAH ANJING	<i>Les chiens ne font pas des chats</i> (Seseorang itu mewarisi kelakuan dan citarasa ibu bapa)
MANGSA IALAH ANJING	<i>Le bâton qui casse une fenêtre ne tue pas un chien</i> (Pencuri tidak semestinya pembunuh)
MUSUH IALAH ANJING	<i>Haïssez un chien, dites que ses dents sont blanches</i> (Mengakui kelebihan yang ada pada musuh)
ORANG BERDARJAT RENDAH IALAH ANJING	<i>Un chien regarde bien un évêque</i> (Semua orang walaupun rendah tarafnya boleh meminta daripada orang besar-besar)
ORANG YANG BERBALAH IALAH ANJING	<i>Rompre les chiens</i> (Perbincangan yang akan membawa kepada keadaan buruk haruslah dihentikan)
ORANG YANG KUAT IALAH ANJING	<i>Tout chien est fort à la porte de son maître</i> (Kekuatan yang memberikan hak)
ORANG YANG MALANG IALAH ANJING	<i>Arriver comme un chien dans un jeu de quilles</i> (Sangat malang pada waktu yang salah)
ORANG YANG MENGGANGGU IALAH ANJING	<i>Le chien aboie, le cochon mange</i> (Gangguan daripada orang lain tidak sepatutnya menghentikan kita daripada perkara yang kita patut lakukan)
ORANG YANG SUKA BERGADUH IALAH ANJING	<i>Chien hargneux a toujours l'oreille déchirée</i> (Orang yang suka bergaduh akan mendapat habuannya)
ORANG SUSAH IALAH ANJING	<i>Quand un chien se noie, tout le monde lui offre à boire</i> (Apabila seseorang ditimpa malang, hanya sedikit rasa kasihan yang wujud)
ORANG YANG TIDAK BERHAK IALAH ANJING	<i>Souvent à mauvais chien tombe un bon os en gueule</i> (Rezeki tidak selalunya datang kepada orang yang sepatutnya)
ORANG YANG TIDAK DIHORMATI IALAH ANJING	<i>Traiter quelqu'un comme un chien</i> (Tanpa rasa hormat)
PIHAK YANG KUAT IALAH ANJING	<i>Beaucoup de chiens, c'est la mort du lièvre</i> (Mengaku kalah dalam suatu perbincangan/ berseorangan ketika mengutarakan pandangan)

Daripada segi jumlah metafora konsep, jadual dan rajah menunjukkan jumlah metafora konsep dalam peribahasa Melayu berkaitan MANUSIA IALAH HAIWAN yang bersumberkan metafora anjing adalah lebih tinggi daripada jumlah metafora konsep dalam peribahasa Perancis. Walaupun masyarakat Perancis lebih cenderung untuk memilih anjing sebagai haiwan kesayangan sesuai dengan budaya masyarakat Barat, namun masyarakat Melayu tidak mengenyahkan kewujudan anjing dalam persekitaran sekaligus menjadikan haiwan tersebut sebagai sumber metafora bagi metafora konsep tertentu. Jumlah metafora konsep yang tinggi dalam peribahasa Melayu berbanding peribahasa Perancis ini bersesuaian dengan pendapat Hashim Musa et al. (2012) mengenai kesederhanaan ketika menuturkan kata-kata dalam budaya Melayu. Maka masyarakat Melayu lebih gemar untuk menggunakan kata yang berlapis seperti metafora konsep dalam peribahasa untuk memenuhi tuntutan penjagaan lisan dalam budaya Melayu ini.

Berdasarkan data-data mengenai metafora konsep MANUSIA IALAH HAIWAN yang terdapat dalam peribahasa Melayu dan Perancis dengan penggunaan metafora haiwan kesayangan iaitu kucing dan anjing, metafora konsep yang telah dipersembahkan ini lebih

banyak membawakan metafora konsep MANUSIA IALAH HAIWAN dengan nilai negatif. Metafora anjing lebih banyak menjadi metafora kepada konsep yang negatif dalam kedua-dua bahasa yang dikaji. Hal ini terjadi kerana kucing mempunyai ciri-ciri manja, lembut dan kurang sesuai untuk dipetakan dengan konsep negatif berbanding anjing. Sommer dan Sommer (2011) dalam kajian mereka turut menyatakan anjing sebagai pembawa kepada watak buruk berbanding kucing apabila digunakan secara metaforikal.

Data-data peribahasa yang dianalisis juga menunjukkan bahawa terdapat konsep yang sama tetapi menggunakan metafora berlainan dalam peribahasa satu-satu bahasa. Metafora konsep tersebut adalah seperti di dalam jadual ini:

JADUAL 5. Metafora konsep daripada metafora haiwan berlainan dalam peribahasa Melayu dan Perancis

Peribahasa	Metafora Konsep
Melayu	PENAKUT IALAH KUCING/ ANJING ORANG JAHAT IALAH KUCING/ ANJING
Perancis	MANGSA IALAH KUCING/ ANJING

Jadi dapat dirumuskan bahawa bagi peribahasa Melayu, analisis data menunjukkan kewujudan metafora konsep PENAKUT IALAH HAIWAN KESAYANGAN dan ORANG JAHAT IALAH HAIWAN KESAYANGAN, sementara metafora konsep MANGSA IALAH HAIWAN KESAYANGAN hanya dibawakan oleh peribahasa Perancis. Jika sebelum ini Lakoff dan Turner (1989) mengemukakan skema metaforikal khusus bagi haiwan secara satu-persatu, maka dapatan ini menambahkan lagi skop skema metaforikal haiwan sedia ada, iaitu mengikut kategori dan bahasa masing-masing, walaupun jumlahnya kecil.

Walaupun terdapat pendapat bahawa metafora merupakan fenomena bahasa yang berlaku secara global, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesejagatan metafora konsep tidaklah berlaku secara menyeluruh. Persamaan metafora konsep dalam peribahasa yang menggunakan satu-satu jenis metafora haiwan dan juga gambaran konsep yang sama tetapi metafora konsepnya berbeza (Contoh: Konsep permusuhan yang sama-sama disentuh dalam peribahasa Melayu dan Perancis dengan penggunaan metafora haiwan kesayangan iaitu melalui metafora konsep PIHAK BERMUSUH IALAH KUCING, PIHAK BERMUSUH IALAH ANJING dan MUSUH IALAH ANJING) tidak memadai untuk menunjukkan kesejagatan menyeluruh, kerana tiada persamaan metafora konsep dengan penggunaan kedua-dua metafora kucing dan anjing dalam kedua-dua bahasa yang dapat dianalisis. Hal ini menunjukkan kepelbagaian penggunaan metafora konsep yang pasti berlaku dalam penggunaan bahasa dan sedikit sebanyak amalan budaya yang berbeza, seperti yang diketengahkan oleh Kövecses (2008) mengenai kewujudan keadaan kepelbagaian metafora.

KESIMPULAN

Metafora haiwan kesayangan sebagai salah satu metafora yang digunakan dalam peribahasa Melayu dan Perancis untuk representasi metafora konsep MANUSIA IALAH HAIWAN menunjukkan persamaan dan perbezaan metafora konsep tertentu sebagai hasil analisis data. Perbezaan yang telah dianalisis menunjukkan bahawa bahasa yang berbeza sememangnya menjadikan gaya pemikiran juga berbeza dan seterusnya diterjemahkan pula ke dalam cara metafora haiwan kesayangan digunakan. Namun di sebalik perbezaan yang banyak jumlahnya

ini, terdapat beberapa metafora konsep yang sama antara peribahasa Melayu dan Perancis iaitu metafora konsep LELAKI IALAH KUCING, MUSUH IALAH KUCING, PIHAK YANG BERKUASA IALAH KUCING, ORANG YANG LEMAH IALAH ANJING, ORANG JAHAT IALAH ANJING dan MUSUH IALAH ANJING.

Jika sebelum ini skema metaforikal yang dikemukakan oleh Lakoff dan Turner (1989) mengaitkan anjing dengan kesetiaan manakala kucing pula dengan sifat berdikari, dapatan kajian ini dapat menambahkan lagi skema metaforikal yang sedia ada, contohnya skema metaforikal berkenaan kekuasaan bagi metafora kucing dan juga kelemahan bagi metafora anjing.

Walaupun kucing dan anjing merupakan haiwan kesayangan bagi manusia, namun tidak boleh dinafikan bahawa haiwan-haiwan ini banyak digunakan sebagai metafora untuk melambangkan konsep yang tidak bernilai positif, sesuai dengan kedudukan haiwan yang lebih rendah daripada manusia dalam MRU (Lakoff & Turner 1989) dan juga kecenderungan manusia untuk menggunakan metafora haiwan secara umum sebagai keterangan secara berselindung dalam penyampaian makna pejoratif (Sommer & Sommer 2011). Maka, penemuan-penemuan ini menunjukkan masyarakat Melayu dan Perancis sama-sama menggunakan metafora konsep MANUSIA IALAH HAIWAN dengan cara yang sama dan berbeza antara bahasa pertuturan satu masyarakat dengan masyarakat yang lain, justeru mewujudkan kesejagatan dan kepelbagai aplikasi metafora konsep dalam peribahasa bagi bahasa-bahasa yang berbeza.

RUJUKAN

- Ashliman, D.L. 2013. Cat and Mouse. Diambil daripada <http://www.pitt.edu/>
- Asri Selamat. 2009. Kesamarataan gender dalam bidang industri di Malaysia: Adakah wanita telah bersedia? Tesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Berkovic, D. 2014. Beware of the dogs: The position and role of dogs in biblical discourse. *International Journal of Literature and Arts* 3(1): 7-11.
- Gentner, D., Bowdle, B.F., Wolff, P., & Boronat, C. 2001. Metaphor is like analogy. In Gentner, D, Holyonk, K.J. & Kokinov, B.N. (Eds.) *The analogical mind: Perspectives from cognitive sciences*. Cambridge MA: MIT Press.
- Bulman, F. 1998. *Dictionnaire des Proverbes : Anglais-Français et Français-Anglais*. Diambil daripada <https://books.google.com.my/>.
- Chen, S.F., & Chen, L.C.L. 2011. What animals reveal about grammar and culture: A study of animal metaphors in

- Mandarin Chinese and English. *Journal of National Taiwan Normal University: Linguistics & Literature* 56(2): 121-152.
- Chollet, I., & Robert, J. 2011. *Les Expressions Idiomatiques*. Paris : CLE International.
- Hashim Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi & Siti Sarah Ab Karim. 2012. Hati budi Melayu: Kajian keperibadian sosial Melayu ke arah penjanaaan Melayu gemilang. *GEMA Online Journal of Language Studies* 12(1): 163-182.
- Jiang, F., & Wen, X. 2014. A comparative study of English and Chinese animal “rooster” metaphor from the cognitive perspective. *Canadian Social Science* 10(4): 66-70.
- Kiełtyka, R., & Kleparski, G.A. 2005. The ups and downs of the great chain of being: the case of canine zoosemy in the history of English. *SKASE Journal of Theoretical Linguistics* 2(1): 22-41.
- Kövecses, Z. 2008. Universality and variation in the use of metaphor. Dalam Johannesson, N.L. & Minugh, D.C (Ed.). *Selected Papers from the 2006 and 2007 Stockholm Metaphor Festivals*. Stockholm: Stockholm University.
- Kövecses, Z. 2010. Metaphor and culture. *Philologica* 2(2): 197-220.
- La Mésangère, P.A.L. 1823. *Dictionnaire des Proverbes Français*. Diambil daripada <https://books.google.com.my/>.
- Lakoff, G., & Johnson, M. 1980. *Metaphors we live by*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lakoff, G., & Turner, M. 1989. *More than cool reason: a field guide to poetic metaphor*. Chicago: Chicago University Press.
- Linternaute Proverbe. Diambil daripada www.linternaute.com/proverbe.
- Muammar Ghaddafi Hanafiah & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2015. Kontroversi program “I want to touch a dog” dalam media kontemporari daripada perspektif Melayu. *Jurnal Komunikasi* 31(2): 195-210.
- Noor Aina Dani. 2005. Peribahasa bahasa Melayu-peribahasa bahasa Cina: merungkaikan persamaan makna dan pertentangan dedua. *Jurnal Bahasa* 5(3): 132-161.
- Nurul Nadia Muhammad dan Sabariah Md. Rashid. 2014. Cat metaphors in Malay and English proverbs. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 118: 335 – 342.
- Sommer, R., & Sommer, B.A. 2011. Zoomorphy: Animal metaphors for human personality. *Anthrozoös* 24(3): 237-248.
- Wan Norasikin Wan Ismail. (t.t.) Kucing dalam peribahasa Melayu. Diambil daripada <http://klikweb.dbp.my/>
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. 2011. *Peribahasa Melayu: Penelitian makna dan nilai*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Dinie Asyraf Salehan
Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
57000 Kuala Lumpur, MALAYSIA
Emel: dinieasyraf@upnm.edu.my

Omrah Hassan @ Hussin
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang
Selangor, MALAYSIA
Emel: omrah@upm.edu.my

Zaitul Azma Zainon Hamzah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang
Selangor, MALAYSIA
Emel: zazh@upm.edu.my

Diserahkan: 10 Mac 2018
Diterima: 21 Mei 2018

